



Fairus (lima dari kiri) bersama-sama ahli LMP yang lain.

Fairus

pengarah muda berbakat

Oleh Mohd Zaini
Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

Mengikuti pengajian dalam bidang Bioteknologi Makanan bukan halangan bagi Fairus Abdul Manaf untuk bergiat aktif mengembangkan bakat seni yang dimilikinya.

Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu menjadikan aktiviti menonon dan menghasilkan karya filem pendek sebagai minatnya selain mengasah kemahiran bermain gitar kecil atau lebih dikenali 'ukulele'.

Bergerak aktif bersama-sama sekumpulan pelajar USIM yang menggelarkan diri mereka Light Motion Pictures (LMP), Fairus kreatif berkongsi idea untuk menghasilkan filem pendek seawal tahun pertama pengajian.

Mencuba nasib

"Minat terhadap seni filem pendek timbul selepas tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan ketika itu trend menulis blog dan pembikinan filem pendek menjadi kegemaran kebanyakan remaja.

"Pada awalnya saya

menghasilkan filem pendek hanya untuk suka-suka, namun selepas itu kami mencuba nasib dalam beberapa pertandingan dan membuahkan hasil," katanya.

Fairus berkata, karya bertajuk Dompot arahnya antara filem pendek yang paling banyak meraih anugerah termasuk Anugerah Video Popular,

tempat ketiga Anugerah Filem Pendek Terbaik dan tempat kelima kategori Filem Pendek Terbaik dalam Pertandingan Festival Filem dan Video Pelajar (FFVPM) anjuran FINAS pada tahun 2013.

Selain Dompot, katanya, karya lain yang pernah dihasilkan kumpulannya ialah Tumpang Raya, Anugerah Kehidupan, Origami dan Dua Lebih Baik.

Satu penghargaan

"Semua filem ini pernah memenangi beberapa anugerah iaitu tempat kedua Video Komersial Terbaik FFVPM 2013 (Tumpang Raya), tempat kedua Video Pesanan Komuniti Terbaik (Anugerah Kehidupan), tempat ketiga Pertandingan Video Kesedaran Disleksia anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Origami) dan 10 Iklan Komersial Hari Raya 2014 Paling Popular di Malaysia (Dua Lebih Baik).

"Dalam pertandingan Anugerah Visual Kreatif Antarabangsa anjuran Universiti Sains Malaysia tahun lalu, Origami berjaya merangkul Anu-

gerah Idea Kreatif Terbaik," katanya.

Bagi Fairus, pencapaian itu bagaikan satu penghargaan buat dirinya dan ahli LMP yang tidak pernah penat berkongsi idea dan kreativiti menerbitkan filem pendek berkualiti bagi menyampaikan mesej tersirat kepada masyarakat.

Selain berjaya menerusi bidang seni, anak kelahiran Kuala Lumpur ini juga cemerlang dalam bidang akademik dan aktif dalam kepemimpinan, sukan serta kesukarelawan.

PROFIL

Fairus Abdul Manaf

Umur: 22 tahun
Pengajian: Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Makanan, USIM
Pencapaian/
Pembabitankokurikulum:

- Simposium Aspirasi Kepemimpinan Kebangsaan 2015
- Kem Inspirasi Asia Tenggara 2014
- Kem Kepemimpinan Pulau Pangkor 2013
- Ahli Jawatankuasa Dialog: Konsep Ketuhanan 2013
- Ahli Jawatankuasa Program di Rumah Orang-orang Tua di Bukit Larang 2013
- Mewakili USIM dalam pertandingan bola jaring Majlis Sukan Universiti 2013 dan 2014
- Sukarelawan Dapur Jalanan di Kuala Lumpur 2014
- Timbalan Pengarah Seminar Makanan Halal 2014

